

# PM terima Anugerah Khas Kelestarian Canselor USM

**Georgetown:** Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, menjadi penerima sulung Anugerah Khas Kelestarian Canselor pada Upacara Konvokesyen Komemoratif sempena sambutan ulang tahun ke-50 Universiti Sains Malaysia (USM), semalam.

Canselor USM yang juga Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail, berkenan menganugerahkannya kepada Dr Mahathir berikutan sumbangan besar beliau kepada negara dan masyarakat global.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak dapat menghadiri upacara berkenaan berikutan mempunyai beberapa urusan rasmi lain.

Dr Mahathir, dalam ucapannya menerusi rakaman video, menyampaikan penghargaan dan menerima anugerah itu dengan rasa tanggungjawab serta penuh rasa insaf dan rendah diri.

“Patik merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih perkenan Tuanku menganugerahkan patik dengan Anugerah Kelestarian Canselor yang pertama kali diperkenalkan ini.

“Menerima anugerah ini tentunya secara peribadi amat bermakna kepada saya, terutamanya apabila ia adalah pengiktirafan oleh sebuah universiti yang telah mencapai usia 50 tahun,” katanya.

Dr Mahathir berkata, tempoh kejayaan USM yang ke-50 tahun ini seharusnya digunakan untuk menilai semula kejayaan dan kekurangan universiti, selain mencari formula serta strategi baharu bagi menetapkan hala tuju masa hadapan institusi itu.

Beliau berkata, hala tuju itu ha-

rus berupaya mengekalkan dan memajukan universiti berkenaan sebagai penggerak kepada usaha transformasi pemikiran serta pendidikan untuk kelestarian hari esok.

“Hala tuju ini tidak seharusnya tinggal sebagai satu konsep dan falsafah pemikiran akademik semata-mata,” katanya.

Perdana Menteri berkata, universiti juga seharusnya bukan sekadar bersifat kreatif dan inovatif dalam meneroka ilmu baharu, tetapi lebih penting keupayaannya bergerak seiring dengan masyarakat.

Beliau berkata, peranan universiti dan ahli akademik juga harus bergerak seiring dengan peranan sektor awam dan swasta untuk bersama-sama membangunkan negara.

“Kerjasama yang erat antara ahli akademik dan mereka yang bekerja di luar bidang akademik harus dipertingkatkan bagi memahami kehendak sebenar negara dalam arus modenisasi dan era Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) ini.

“Selain itu, universiti seharusnya memanfaatkan ruang kreativiti dan inovasi yang ada dalam dunia digital hari ini untuk meneroka ilmu baharu yang dapat mengurangkan kebergantungan yang ada,” katanya.

Dr Mahathir berkata, pelajar juga perlu keluar dari zon selesa dan bersama mengubah budaya ilmu yang ada dengan pemikiran yang lebih matang dan kritikal.

“Keberanian menghadapi cabaran, kebolehan berdikari, dan keyakinan diri akan dapat membawa siswa siswi menguasai peringkat global,” katanya.